

**PEJABAT BENDAHARI  
KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

KUiTTHO.PB10.12/04 ( 29 )

Tarikh: 2 September 2004

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 8/2004**

Semua Pengurus Bahagian  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Y. Bhg Dato'/Prof./Tuan/Puan,

**PERATURAN MENSYARATKAN PERLINDUNGAN TAKAFUL DI BAWAH SKIM  
PEMBIAYAAN / PINJAMAN KENDERAAN DAN KOMPUTER**

**1.0 TUJUAN**

- 1.1 Tujuan pekeliling ini adalah untuk menerangkan tentang Peraturan Mensyaratkan Perlindungan Takaful Di Bawah Skim Pembiayaan / Pinjaman Kenderaan Dan Komputer.
- 1.2 Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Bil 9/2004 pada 23/06/2004 telah meluluskan peraturan tersebut.
- 1.3 Perlindungan ini bertujuan untuk tidak membebankan waris dan penjamin-penjamin jika berlaku perkara yang tidak diingini seperti keilatan kekal atau kematian kepada staf yang membuat pinjaman.
- 1.4 Perlindungan ini juga sebagai salah satu langkah untuk melindungi KUiTTHO daripada dibebani hutang yang tidak dibayar oleh peminjam yang ditimpa musibah.
- 1.5 Bagi menjaga kebajikan staf yang membuat pinjaman kenderaan dan komputer melalui KUiTTHO.

**2.0 KAEDAH BAYARAN**

- 2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Bil 9/2004 bertarikh 23/06/2004 bersetuju menetapkan supaya amaun perlindungan takaful di bawah skim pembiayaan / pinjaman kenderaan dan komputer dimasukkan ke dalam pinjaman yang diluluskan.

2.2 Contoh perkiraan amaun perlindungan takaful di bawah skim pembiayaan / pinjaman kenderaan dan komputer :

Jumlah Pinjaman : RM 60,000.00  
Tempoh Pinjaman : 6 Tahun  
Umur Peminjam : 28 Tahun

Sumbangan Takaful + Setem Duti : RM 217.00 + 10.00 = RM 227.00

Jumlah yang perlu dibayar oleh peminjam adalah RM 227.00.

2.3 Amaun perlindungan takaful di bawah skim pembiayaan / pinjaman kenderaan dan komputer tidak dikenakan bayaran perkhidmatan.

### 3.0 KUATKUASA PEKELILING

Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Kerjasama dan perhatian Y. Bhg Dato'/Prof./Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memanjangkan perkara ini kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang benar

**ABU BAKAR BIN HUSSAIN**

Bendahari

☎ 6007

- s.k
- Yang Berbahagia Rektor, KUiTTHO
  - Timbalan Rektor (HEP)
  - Timbalan Rektor (Akademik)
  - Pendaftar
  - Unit Audit Dalam